




**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada penyebut harga (kontraktor) **Gred G1** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** mengikut kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi menyertai sebut harga berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk	Gred / Kategori / Pengkhususan	Sesi Taklimat Dan Lawatan Tapak	Tarikh Dan Masa Sebut Harga Ditutup
JANM BIL. 9/2018	Kerja-Kerja Ubahsuai Pejabat Bagi Penyediaan Bilik Mesyuarat Dan Bilik Pegawai Di Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan: B07 dan B28 Beralamat Di Negeri : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya atau Selangor	Tarikh : 02 November 2018 (Jumaat) Tempat : Ruang D' Anjung, Aras 6, Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Perbendaharaan 2, Kompleks Kementerian Kewangan, No.7, Persiaran Perdana, Presint 2, 62594 Putrajaya Masa: 9.30 pagi	Tarikh : 9 November 2018 (Jumaat) Masa: 12.00 tengah hari Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi melalui **Notis Iklan** bagi perolehan ini di laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia www.anm.gov.my bermula pada **31 Oktober 2018 (Rabu)**.
4. Penyebut harga yang ingin menyertai sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi **Taklimat dan Lawatan Tapak** seperti ditetapkan di Perenggan 1. **Hanya penama di Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) / Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) SAHAJA yang dibenarkan menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak** tersebut. Penyebut harga mesti membawa dan menunjukkan sijil asal PPK / SPKK dan Kad Pengenalan semasa menghadiri sesi taklimat bagi tujuan pengesahan kehadiran. Tawaran daripada penyebut harga yang tidak menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak tidak akan dipertimbangkan.
5. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara manual dengan memasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga sebelum atau pada **tarikh dan masa tutup sebut harga** yang telah ditetapkan ke alamat seperti berikut:

**Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan,
Unit Kewangan, Aras 7,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2,
62594 Putrajaya**

6. Penyebut harga hendaklah mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan membolehkan tawaran daripada penyebut harga tidak dipertimbangkan. Pihak JANM juga tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah.
7. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Jabatan ini di talian **03-8882 1072 / 1498**.